

NEWSPAPER CLIPPING
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 31/01/2008

PELANCARAN BUKU... Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad semalam melancarkan bukunya *Mahathir's Selected Letters to World Leaders* yang menghimpunkan 71 pucuk surat beliau kepada pemimpin dunia yang tidak pernah didedahkan kepada umum.

Kandungan kesemua surat Dr. Mahathir antaranya kepada Presiden George Bush, Presiden Jacques Chirac, Perdana Menteri Tony Blair dan Margaret Thatcher serta Putera Charles, sangat unik.

la bukan sahaja sarat informasi malah mengandungi tafsiran dan hujah mengenai keganasan globalisasi, ekonomi dan hubungan diplomatik, perang dan konflik.

Buku setebal 237 muka surat itu berharga RM49.90 senaskhah dan diterbitkan oleh Marshall Cavendish, penerbit buku antarabangsa, direktori, majalah dan pembelajaran secara online.

la disunting dan disusun oleh Tan Sri Abdullah Ahmad yang merupakan penulis dan intelektual lulusan MCKK-Cambridge dan Harvard yang juga pengerusi dan pengasas Institut Kajian Politik dan Ekonomi (KAPE).

● MAHATHIR Mohamad ketika melancarkan bukunya *Mahathir's Selected Letters to World Leaders* bersama Abdullah Ahmad di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya, semalam.

